



PELAN STRATEGIK ICT

MAJLIS DAERAH TANGKAK 2022-2026

Disediakan Oleh:
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
MAJLIS DAERAH TANGKAK

MAJLIS DAERAH TANGKAK



ISI KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN	
1.1	Objektif	
1.2	Skop	1-4
2.0	PANDANGAN MENYELURUH STRATEGIK ICT	
2.1	Mengapa Pelan Strategik ICT Diperlukan Di MDT ?	5- 6
2.2	Sumber	
3.0	PERSEKITARAN ICT SEMASA	7-9
4.0	KAJIAN MASALAH PERSEKITARAN ICT SEMASA	10
5.0	HALA TUJU STRATEGIK ICT	
5.1	Visi ICT	
5.2	Misi ICT	
5.3	Teras Strategik ICT	
5.4	Peluang-Peluan Inisiatif ICT- Sistem Aplikasi	
	(i) Pengukuhan Infrastruktur ICT	
	(ii) Pengukuhan Pembudayaan dan Persekitaran ICT	11-15
	(Enabling Environment)	
5.5	Strategik Perlaksanaan	
	5.5.1 Fasa Satu (2022-2024)	16-18
	5.5.2 Fasa Dua (2023-2025)	19
	5.5.3 Fasa Tiga (2025-2026)	20
5.6	Faktor Kejayaan Kritikal (CSFs)	21
6.0	PENUTUP	22

PERUTUSAN YANG DIPERTUA

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana diberikan kesempatan menyampaikan sepatah dua kata di dalam buku Pelan Strategik ICT Majlis Daerah Tangkak. Sekalung tahniah diucapkan kepada Bahagian Teknologi Maklumat Majlis Daerah Tangkak kerana telah berjaya menyiapkan buku Pelan Strategik ICT ini. Pelan Strategik ICT, merupakan suatu garis panduan atau perancangan berjadual yang akan menjadi rujukan utama dalam hal berkaitan pengurusan Teknologi Maklumat di dalam agensi.

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang berkesan dalam pelbagai aspek penyampaian perkhidmatan dan operasi dalaman Kerajaan merupakan salah satu kunci utama ke arah mencapai aspirasi negara.

Buku Pelan Strategik ICT ini turut menyokong strategik lain yang di gariskan di dalamnya berdasarkan perspektif kajian persekitaran, hala tuju, keadaan ICT semasa serta cabaran-cabaran yang akan mahupun yang sedang dihadapi dan rangka perancangan untuk perlaksanaan bagi tempoh lima (5) tahun di Majlis Daerah Tangkak.

Di harap, dengan adanya buku Pelan Strategik ICT ini kelak dapat mempertingkatkan produktiviti anggota disamping meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan dan menjadikan pengurusan serta pentadbiran Majlis Daerah Tangkak lebih efisien sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat semasa.



Ezlan Farid Bin Mohd Said

Yang Dipertua

Majlis Daerah Tangkak

1.0 PENDAHULUAN

Pelan Strategik ICT ini disediakan bagi membantu Majlis Daerah Tangkak (MDT) dalam merangka dan menentukan arah tuju agensi dalam pelaksanaan projek-projek ICT bagi memenuhi keperluan pengguna, pelanggan dan pihak pengurusan didalam merealisasikan konsep kerajaan elektronik.

1.1 Objektif

Objektif penyediaan dokumen pelan strategik ICT ini adalah sebagai panduan didalam pelaksanaan projek-projek ICT di MDT bagi tempoh lima (5) tahun. Penyediaan Pelan Strategik ICT ini menggunakan metodologi yang merangkumi langkah-langkah standard terdiri daripada empat (4) peringkat utama iaitu:-

Teras 1 : Pengukuhan Infra Dan Keselamatan ICT

Teras 2 : Pemeraksanaan Aplikasi Penyampaian Perkhidmatan

Teras 3 : Pengukuhan Keupayaan ICT Dalam Penyampaian Perkhidmatan

Teras 4 : Pengukuhan Tadbir Urus ICT

1.2 Skop

Pembangunan Pelan Strategik ini akan menjadi panduan bagi mengenal pasti sebarang inisiatif strategik yang akan disokong oleh aplikasi sistem, teknologi dan fungsi utama agensi. Pelan strategik ini mengandungi beberapa elemen yang menggerakkan pembangunan dan pelaksanaan pelan tersebut iaitu:-

- (i) Infrastruktur ICT (Pusat Data, Rangkaian, Keselamatan dan Peralatan);
- (ii) Sistem Aplikasi;
- (iii) Keupayaan ICT; dan
- (iv) Tadbir Urus ICT

VISI MDT

- KEARAH PERBANDARAN HIJAU, BERSIH, SEJAHTERA.

MISI MDT

- MEMPERKASA PERKHIDMATAN PERBANDARAN SECARA CEPAT DAN BERKESAN.
-

VISI ICT

- MEMACU TEKNOLOGI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MELALUI PEMBUDAYAAN ICT

MISI ICT

- MEMPERKASA DAN MEMPERLUASKAN INFRA TEKNOLOGI DALAM MEWUJUDKAN SISTEM MAKLUMAT YANG EFEKTIF DAN EFISYEN KEPADA PENGGUNA /PELANGGAN.

PERUNTUKAN DAN NILAI

- Memahami nilai perbelanjaan semasa dan peruntukan sumber ICT ; dan
- Mengubahsuai perbelanjaan ICT berpandukan keutamaan MDT.

MEMBOLEHKAN (Enabling)

- Mengenalpasti ruang bagi mempraktikkan teknologi dan inovasi terkini yang mempunyai potensi dalam mewujudkan perbezaan yang berdaya saing serta memberi kelebihan dari sudut operasi.

PENTADBIRAN DAN KEMAMPUAN

- Mewujudkan sumber dan tanggungjawab yang teratur bagi produk-produk ICT untuk pengurusan yang menyeluruh didalam organisasi; dan
- Mengenalpasti kecekapan yang diperlukan bagi mencapai matlamat yang digariskan.

TINDAKAN DAN PENGUKURAN

- Mencipta model penilaian dan mengutamakan inisiatif yang dapat menggalakkan usaha dan pelaksanaan projek ICT di kalangan anggota MDT; dan
- Menyediakan cara sistematik dalam menentukan pelaburan yang paling strategik serta memastikan MDT bersedia bagi membangunkan dan mengimplementasi cara tersebut dalam bentuk yang paling efektif dan cekap.

2.0 PANDANGAN MENYELURUH STRATEGIK ICT

Teknologi Maklumat (ICT) adalah merupakan jentera utama bagi mempertingkatkan tahap penyampaian perkhidmatan kerajaan, menggalakkan peluang pembangunan ICT dan meningkatkan daya saing di peringkat pasaran global. Aplikasi ICT memerlukan pemikiran strategik sama seperti strategik kewangan, strategik sumber manusia dan strategik persekitaran. Strategik adalah corak misi, objektif, polisi dan pelan utilisasi sumber yang dinyatakan dalam bentuk yang mampu menggambarkan fungsi utama sesuatu agensi dan sasaran matlamat yang perlu dicapai oleh agensi berkenaan dalam satu tempoh masa tertentu. Oleh yang demikian, strategik dan wawasan agensi adalah saling berkait rapat dan kenyataan strategik yang lengkap akan mendefinisikan:

- ✓ Perkhidmatan dan pelanggan
- ✓ Segmen pelanggan yang mana perkhidmatan perlu direkabentuk;
- ✓ Saluran capaian kepada pelanggan;
- ✓ Pengurusan kewangan bagi pelaksanaan operasi;
- ✓ Objektif perkhidmatan; dan
- ✓ Imej yang hendak dipaparkan kepada pelanggan

Strategik ICT bertujuan untuk menyelaraskan aplikasi ICT dengan keseluruhan strategik organisasi. Ia turut bertujuan untuk merancang pelaburan kritikal ICT dalam persekitaran yang kompleks dan sentiasa pesat berubah. Ia menilai keperluan dan peluang strategik bagi aplikasi ICT, justifikasi pelaburan, serta merancang transaksi dan migrasi yang berkaitan dengan ICT.

Secara umumnya, objektif sesuatu strategi ICT adalah:

- Menetapkan arah tuju ICT yang jelas berasaskan keperluan fungsi agensi;
- Menyesuaikan kebolehan dan penyampaian ICT bagi bertindak balas terhadap keperluan fungsi agensi ; dan
- Mengenalpasti pendekatan dan pilihan yang bersesuaian untuk aplikasi, organisasi dan infrastruktur.

2.1 Mengapa Pelan Strategik ICT Di Perlukan Di MDT ?

Secara amnya, Pelan Startegik ICT dapat membantu MDT :

- ❖ Mengaplikasikan ICT secara kreatif bagi memperolehi kelebihan dari sudut daya saing dan sokongan terhadap strategik operasi utama;
- ❖ Memastikan pelaburan ICT efektif dari sudut kos (cost-affective) dan faedahnya diukur berasaskan perancangan matlamat dan peruntukan;
- ❖ Mengawal perbelanjaan ICT
- ❖ Melindungi pelaburan ICT sedia ada
- ❖ Menyelesaikan konflik permintaan ke atas sumber ICT yang terhad; dan
- ❖ Mewujudkan komitmen bersama antara pengurusan ICT dengan pengguna

2.2 Sumber

Peringkat Agensi : Pihak Berkuasa Tempatan

Saiz Agensi : 128 kakitangan dengan 8 Jabatan & 4 Unit

3.0 PERSEKITARAN ICT SEMASA

Persekitaran ICT sedia ada di MDT bertujuan untuk mempertingkatkan tahap kecekapan pengoperasian dan pengurusan dalam usaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dan masyarakat. Pemantapan serta peningkatan tahap kecekapan sistem berkomputer mampu memberi impak yang besar kepada organisasi

Bermula dari April 2013, MDT telah mula menggunakan Sistem ePBT. Sistem ePBT ini adalah satu sistem pengurusan bersepadu PBT yang dikelolakan oleh Bahagian Sains , Teknologi Dan ICT Negeri Johor dan dibangunkan oleh pihak vendor yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Johor iaitu MSC Cyberport. Sistem ini kelak membolehkan maklumat di setiap PBT diselaraskan di semua PBT Negeri Johor dan digunakan bagi pelaporan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor.

Selain memiliki Sistem ePBT yang mempunyai rekabentuk sistem yang berinteraksi antara semua modul-modulnya, proses memantapan perkakasan komputer dan sistem rangkaian turut dilaksanakan bagi menampung pemprosesan data yang berkapasiti tinggi untuk mempercepatkan proses capaian dan janaan data.

Antara modul yang terdapat di dalam Sistem ePBT adalah:-

i. Modul Dan Aplikasi Sistem ePBT:

- ✓ Modul Taksiran
- ✓ Modul Cukai
- ✓ Modul Kewangan
- ✓ Modul Kutipan Kaunter
- ✓ Modul Pelesenan
- ✓ Modul Sewa
- ✓ Modul Sewa Pelbagai
- ✓ Modul Kompaun
- ✓ Modul Bil Pelbagai
- ✓ Modul Pengurusan Pembelian
- ✓ Modul Pengurusan Bayaran
- ✓ Modul Pengurusan Akaun
- ✓ Modul Pengurusan Aset
- ✓ Modul Pengurusan Nota Minta

ii. Modul Dan Aplikasi Lain Di Majlis Daerah Tangkak

Pengurusan Majlis turut di sokong dengan aplikasi ICT yang lain seperti:-

- Sistem Geoledang
- Sistem AWDIP (Inventori Pokok)
- Sistem RMS (Record Management Service)
- Sistem eKhidmat (Pembayaran Cukai Secara Atas Talian)
- Sistem My Sikap JPJ
- Sistem Pengurusan Gaji (Slip Gaji Digital)
- Sistem Parking Handheld (H3A)
- HRMIS 2.0
- OSC Online
- Sistem MARRIS

Kini, hampir 80% operasi MDT bergantung kepada Sistem Maklumat. Ini adalah kesan daripada inisiatif Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Persekutuan di samping projek-projek ICT dalaman yang dilaksanakan oleh MDT.

Perkembangan teknologi semasa yang pesat juga memerlukan Bahagian Teknologi Maklumat MDT merancang sebarang projek ICT mengikut keperluan semasa Jabatan dan masyarakat.

Berdasarkan keperluan di Jabatan dan Bahagian-Bahagian didalam MDT, terdapat potensi yang tinggi dalam penggunaan ICT. Dengan inisiatif pembangunan ICT yang diharap dapat memenuhi keperluan agensi dan meningkatkan prestasi MDT pada masa akan datang. Struktur organisasi dan persekitaran ICT semasa juga turut dikaji dan didapati memerlukan peningkatan yang bersesuaian bagi menyokong MDT ke arah organisasi yang berteraskan ICT pada masa hadapan.

4.0 KAJIAN MASALAH PERSEKITARAN ICT SEMASA

Sepanjang pelaksanaan Sistem ePBT di MDT, beberapa masalah telah dikenalpasti. Masalah berkaitan proses migrasi data dari pangkalan data lama ke pangkalan data baru diselesaikan dengan kerjasama antara Bahagian Teknologi Maklumat MDT dan vendor (MSC Cyberport) dilantik oleh Kerajaan Negeri Johor. Semakan dan kemaskini ke atas data yang di migrasi sedang berjalan dari masa ke semasa bagi memastikan sistem berfungsi dengan sempurna.

Masalah utama yang menjadi tumpuan utama bagi merealisasikan Pelan Startegik ICT MDT adalah masalah keseragaman terhadap Sistem ePBT agar ianya selari dengan proses kerja MDT disamping memenuhi keperluan pengguna serta kehendak pengurusan atasan.

Selain masalah pada Sistem ePBT, skop tumpuan juga perlu menjurus kepada arah tuju perancangan terhadap sistem-sistem lain yang masih beroperasi secara bersendirian serta penambahbaikan infrastruktur ICT di MDT juga turut diberi penekanan.

Buat masa kini, MDT telah dan sedang dalam proses menambah baik infrastruktur ICT seperti rangkaian (networking) dan perkakasan ICT untuk kegunaan kakitangan di Pejabat Besar MDT dan cawangan. Keadaan rangkaian (networking) yang tidak teratur menyulitkan pengurusan serta pemantauan keatas aliran trafik rangkaian di Pejabat Besar MDT. Di dapati kerap kali berlaku 'system down' atau 'disconnect' ke atas sistem rangkaian mengakibatkan proses kaunter dan pengurusan tergendala.

5.0 HALA TUJU STRATEGIK ICT

Hala tuju ICT yang strategik perlu sejajar dengan visi dan misi ICT MDT agar inisiatif ini dapat merealisasikan konsep kerajaan elektronik. Oleh yang demikian, hala tuju ICT yang dirangka merangkumi visi, misi, teras strategik dan peluang inisiatif yang dikenalpasti mampu untuk menyokong hala tuju MDT kelak.

5.1 Visi ICT

MEMACU TEKNOLOGI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MELALUI PEMBUDAYAAN ICT

5.2 Misi ICT

MEMPERKASA DAN MEMPERLUASKAN INFRA TEKNOLOGI DALAM MEWUJUDKAN SISTEM MAKLUMAT YANG EFEKTIF DAN EFISYEN KEPADA PENGGUNA /PELANGGAN.

Misi ICT yang dirumus oleh MDT adalah sejajar dengan misi Pelan Strategik Pendigitilan Sektor Awam iaitu:-

- Menyediakan perkhidmatan elektronik yang cekap, cepat, berkualiti dan selamat;
- Menggunakan ICT dan multimedia bagi mempertingkatkan produktiviti sektor awam;
- Mempermudahkan perkongsian sumber dalam kalangan agensi kerajaan; dan
- Mengutamakan pelanggan dalam penyampaian perkhidmatan.

5.3 Teras Strategik ICT

Teras strategik ICT yang memandu pelaksanaan inisiatif ICT di MDT adalah seperti berikut:

- ICT menjadi saluran yang membolehkan pelanggan dan MDT berhubung secara terus dalam bentuk komunikasi dua hala;
- ICT menjadi alat yang boleh membantu MDT berkembang dengan penyediaan data dan maklumat yang tepat;
- ICT menjadi saluran bagi menyampaikan kelebihan, kekuatan yang terdapat di MDT bagi memperoleh pengiktirafan yang sewajarnya;
- ICT berusaha menawarkan perkhidmatan yang berkualiti dan cepat melalui penggunaan teknologi yang bersesuaian; dan
- ICT sebagai pemangkin kepada proses kerja dan penggunaan informasi bagi tujuan memenuhi keperluan pelanggan.

5.4 Peluang-Peluang Inisiatif ICT- Sistem Aplikasi

Strategik ICT yang dirangka bagi tempoh 2022-2026 adalah untuk merealisasikan persekitaran bersepadu ICT yang terdiri daripada inisiatif-inisiatif berikut:

(i) Pengukuhan Infrastruktur ICT

Bagi memastikan segala aplikasi dan sistem yang bakal digunapakai atau yang ditambahbaik dapat berfungsi dengan lancar dan memenuhi keperluan MDT, infrastruktur ICT yang sedia ada perlu dipertingkatkan kemampuannya serta ditambahbaik. Infrastruktur ICT yang sedia ada sudah tidak dapat lagi menampung keperluan semasa mahupun yang akan datang. Antara penambahbaikan yang diperlukan segera adalah seperti berikut:

- a. Keperluan rangkaian jalur lebar yang berkelajuan tinggi agar dapat memenuhi keperluan ibu pejabat dan juga cawangan-cawangan MDT;
- b. Keperluan pengemaskinian rangkaian dalaman MDT yang sering mengalami masalah dan mengganggu urusan pentadbiran MDT, pemasangan firewall difikirkan amat perlu buat masa kini;
- c. Keperluan mengemaskini bilik server, peralatan serta perkakasan di dalamnya agar lebih kemas dan teratur bagi memudahkan pengurusannya kelak;
- d. Keperluan menaiktaraf atau menukar komputer peribadi kakitangan dan keperluan notebook kepada setiap kakitangan MDT yang difikirkan perlu. Ini bagi menggalakkan mereka supaya lebih produktif; dan
- e. Keperluan kepada Disaster Recovery Center (DRC) yang akan memastikan operasi berterusan serta mengurangkan gangguan kepada sistem MDT yang sedia ada dan juga yang akan datang

(ii) Penguatan Pembudayaan dan Persekitaran ICT (Enabling Environment)

Bagi setiap pelaksanaan inisiatif ICT, aspek pembudayaan ICT perlu diberikan penekanan yang sewajarnya. Ini adalah kerana kebanyakan projek pengkomputeran yang gagal adalah berpunca daripada persekitaran pembudayaan ICT yang lemah serta tidak menyokong pelaksanaan inisiatif yang dilaksanakan.

Oleh yang demikian, di antara program yang dirancang termasuklah seperti berikut:

- a. Program latihan khusus kepada penggunaan aplikasi yang sedia ada di MDT kepada anggota dan mereka yang berkenaan.
- b. Program latihan teknikal yang membolehkan tenaga kerja teknikal Bahagian Teknologi Maklumat berupaya mengendalikan sistem yang terdapat di MDT kelak; dan
- c. Program pembudayaan ICT yang berterusan melalui program kesedaran (ICT awareness program) kepada aplikasi yang sedia ada atau bakal digunakan, polisi-polisi ICT yang berkaitan dan sebagainya.

5.5 Strategik Pelaksanaan

Perlaksanaan keseluruhan inisiatif ICT dirangka untuk jangka masa lima (5) tahun. Perlaksanaan secara berperingkat dicadangkan supaya sejajar dengan kapasiti dan keupayaan tenaga kerja MDT dan mengambil kira proses persediaan spesifikasi teknikal sistem, pengurusan perubahan (Change Management) dan Business Process Re-Engineering (BPR).

Perlaksanaan inisiatif ICT yang dirangka bagi tempoh lima (5) tahun ini dibahagikan kepada tiga (3) fasa utama sepertimana berikut:

5.5.1 Fasa Satu (2022-2024)

APLIKASI	PROGRAM	STRATEGI PELAKSANAAN	SASARAN OUTPUT
i) Sistem Rangkaian	a. Kelajuan Talian Internet 100 Mbps - 300 Mbps	Menaiktaraf talian internet dengan fix IP yang mencukupi untuk kegunaan VPN (virtual private network), application hosting dan lain-lain	i. Capaian Internet yang stabil dan lancar Pelanggan dan Kakitangan Majlis
	b. Sistem Firewall	Memperbaharui lesen aplikasi firewall Sophos sedia ada di Majlis Daerah Tangkak 2 tahun sekali	i. Menyusun IP mengikut range IP di Jabatan dan menetapkan bandwidth mengikut keperluan. ii. Menyekat akses sesetengah laman web yang tidak sepatutnya dikunjungi iii. Memastikan aplikasi Firewall dalam versi terkini dan menggunakan features tersedia bagi menangani serangan siber terbaharu..
	c. Penggunaan MyGovnet 10Mbps	Menggunakan MyGovnet untuk capaian laman web rasmi kerajaan dengan lebih lancar. 10 user di tawarkan untuk mendapat talian khusus MyGovnet terutamanya untuk kakitangan OSC (OSC 3.0 Plus)_ Wifi untuk pengguna jabatan yang lain.	i. Capaian internet ke laman web kerajaan lebih lancar. ii. Keselematan capaian lebih terjamin. iii. Memastikan penggunaan talian MyGovnet aktif melebihi 20% penggunaan.

APLIKASI	PROGRAM	STRATEGI PELAKSANAAN	SASARAN OUTPUT
	d. Naiktaraf Perkakasan Rangkaian Majlis Daerah Tangkak	i. Menyemak keperluan naiktaraf perkakasan rangkaian bagi menggantikan peralatan dan kabel yang rosak (haiwan perosak/usang)	i. Pembelian 'Switch Rack'. ii. Penyusunan semula kabel rangkaian di dalam jabatan.
	a. Memastikan laman web memenuhi kriteria. Iaitu 26 kriteria laman web rasmi kerajaan.	Pengurusan Laman Web Rasmi oleh Vendor dilantik oleh KPKT	i. Pengemaskinian laman web lebih teratur dan bersistematik serta versi terkini. Web Master MDT boleh melaksanakan pengemaskinian laman web serta merta dengan informasi terkini jabatan.
ii) Portal /Laman web MDT	b. Penjenamaan Semula Laman Web Rasmi	Melantik Vendor Membina Rekabentuk Paparan Baharu Laman Web MDT Menyediakan Keperluan Kriteria Laman Web Sektor Awam MAMPU	i. Laman Web MDT Berwajah Baharu ii. Memenuhi kriteria laman web yang disarankan oleh kerajaan.
	b. Sistem GIS Untuk Jabatan Perancangan Bandar Dan Lanskap	Menaiktaraf Versi Sistem Geoledang Oleh Pihak Vendor.	i. Penyediaan Fix IP dan Domain khusus untuk sistem. ii. SSL Cert untuk tujuan keselamatan pelayan web iii. Naiktaraf versi dan penambahan features terkini

APLIKASI	PROGRAM	STRATEGI PELAKSANAAN	SASARAN OUTPUT
	c. Sistem AWDIP Inventori Pokok Majlis Daerah Tangkak	Menaiktaraf Versi Aplikasi Inventori Pokok (AWDIP) Oleh Pihak Vendor	i. Penyediaan Fix IP dan Domain khusus untuk sistem. ii. SSL Cert untuk tujuan keselamatan pelayan web iii. Naiktaraf versi dan penambahan features terkini sesuai dengan keperluan semasa jabatan iv.
	d. Aplikasi Record Management System (RMS)	Naik taraf server untuk keperluan jabatan.	i. Pembelian server baharu untuk aplikasi sesuai dengan keperluan versi semasa dan kapasiti besar untuk menampung kemasukan data/ rekod jabatan.

5.5.2 Fasa Dua (2022-2025)

APLIKASI	PROGRAM	STRATEGI PELAKSANAAN	SASARAN OUTPUT
i)Sistem Perkongsian Maklumat Secara Elektronik	a.Sistem e-PBT (Sistem Bersepadu Pihak Berkuasa Tempatan.	-Menaiktaraf Server ePBT	i. Menggantikan server lama kepada yang baharu dengan spesifikasi lebih baik sebagai persediaan penggunaan ekhidmat dan medium bayaran lain. ii. Naiktaraf versi sistem kepada versi baharu mengikut tempoh perjanjian 10 tahun. iii. Perjanjian ePBT Tamat Pada Dis 2025. Merancang Hala Tuju ePBT MDT.
ii) Sistem Penguatkuasaan	a. Sistem Pembayaran Tempat Letak Kereta dan Kompaun Bersepadu	-Menggunakan satu sistem bersepadu untuk penguatkuasaan	i. Kompaun Pelbagai (Handheld) ii. Sistem Kupon Atas Talian.
iv) Sistem email jabatan	a. Melanggan akaun email jabatan	- Melanggan perkhidmatan email domain MDT	i.Setiap kakitangan MDT mempunyai akaun email untuk urusan rasmi jabatan ii,Menaikkan imej korporat MDT

5.5.3 Fasa Tiga (2025-2026)

APLIKASI	PROGRAM	STRATEGI PELAKSANAAN	SASARAN OUTPUT
<p>i) Internet Service Provider (ISP)</p>	<p>a. Naiktaraf Kawalan Capaian Internet di Jabatan /Kaunter Cawangan / Kaunter Bergerak</p>	<p>-Melanggan beberapa Perkhidmatan ISP yang mempunyai coverage internet lebih baik untuk menjamin kebolehcapaian sistem oleh pengguna dan pelanggan MDT</p> <p>Menggabungkan 2 talian kepada 1 sebagai back up line sekiranya tiada coverage di kawasan itu.(Lokasi Kutipan Kaunter Bergerak)</p>	<p>i. Memastikan Pengguna MDT mendapat capaian internet di kaunter cawangan khususnya Kaunter Bergerak.</p> <p>ii. Capaian Internet ISP berbeza mengikut kawasan</p> <p>iii. Dapat menjimatkan kos langganan.</p>

5.6 Faktor Kejayaan Kritikal (CSFs)

Diantara faktor kejayaan kritikal bagi menentukan kejayaan pelaksanaan setiap inisiatif ICT adalah seperti berikut:

- a. Sokongan dan komitmen pihak Pengurusan Atasan MDT dalam memastikan projek ICT dilaksanakan dengan sempurna
- b. Penyediaan polisi ICT yang berkaitan untuk membantu kearah mewujudkan persekitaran yang membina (enabling environment) bagi membantu melaksanakan inisiatif-inisiatif ICT agar berjalan lancar;
- c. Program Pembudayaan Persekitaran ICT melalui 'Change Management' bagi menerapkan budaya ICT kepada tenaga kerja MDT untuk menyediakan modal insan yang celik ICT; dan
- d. Business Process Re-Engineering (BPR) perlu dilaksanakan untuk menilai semula dan menambah baik proses sedia ada supaya yang tidak sesuai atau tidak cekap dikaji semula selaras dengan penggunaan teknologi ICT.

6.0 PENUTUP

Pelan Strategik ICT MDT ini adalah sebuah dokumen yang mengandungi perancangan, hala tuju dan teras strategik MDT. Ianya bagi mengenalpasti inisiatif-inisiatif ICT yang perlu dilaksanakan mengikut jangka masa lima (5) tahun, bagi tempoh 2022-2026.

Hasil kejayaan pelaksanaan program-program ICT ini dijangka dapat meningkatkan kualiti maklumat yang disampaikan kepada pihak berkepentingan. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya sukar disempurnakan sekiranya tidak disokong oleh faktor-faktor kejayaan kritikal.

Pelan ini akan menjadi panduan dan rujukan sepanjang pelaksanaan ICT untuk tempoh tersebut. Oleh itu, dokumen ini hendaklah sentiasa dikaji semula dan dikemaskini dari masa ke semasa, sekiranya perlu, bagi memastikan ianya sentiasa relevan dan terus menjadi pemboleh daya strategik kepada usaha MDT untuk mencapai visi dan misinya.

Disediakan oleh:

**BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT MAJLIS
DAERAH TANGKAK
DISEMBER 2021**

